

# Penguat kuasa kena jaga subsidi jangan bocor - PM

Oleh Zaid Mohd. Noor,  
Mustaqim Mohamed  
dan Rohana Ismail  
utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA BHARU:** Badan penguat kuasa termasuk di Kelantan digesa mengambil tindakan tegas untuk menjaga ketirisan bahan bersubsidi daripada terus bocor sekali gus memastikan rakyat mendapat manfaat inisiatif tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyelar tindakan pihak tertentu yang tidak memelihara kemakmuran negara dengan terlibat dalam kegiatan kebocoran peruntukan terutamanya melibatkan subsidi kepada penduduk miskin.

"Subsidi yang diperuntukkan kepada golongan memerlukan pada setiap tahun tetapi banyak hilang diselewengkan dalam jumlah yang banyak," kata beliau pada Majlis Amanat Khas Perdana Menteri Kepada Penjawat Awam Negeri Kelantan di Dewan Besar Balai Islam, Lundang di sini semalam.

Menurut beliau, jika penyelewengan dan ketirisan bahan bersubsidi terus berlaku ia menyebabkan peruntukan



**ANWAR Ibrahim disambut Ahmad Yakob di pekarangan Masjid At-Taqwa Alor Pasir di Tumpat semalam. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL**

untuk penduduk miskin tidak pernah mencukupi.

"Negara ini makmur, bo-

cornya banyak. Percayalah. Kes-kes yang ditangkap itu, baru mula-mula. Duit minyak,

makan dan diesel pun sakau (oleh golongan kaya). Jadi sampai bila akan cukup," katanya.

Sementara itu, dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Perdana Menteri bagi Projek Menyiapkan Masjid At-Taqwa Alor Pasir di Tumpat, Anwar berkata, kerajaan tidak akan bersikap zalim dengan menafikan hak rakyat dalam menyalurkan bantuan kepada negeri pembangkang.

Menurut beliau, walaupun berbeza politik tetapi rundingan dan perbincangan diadakan untuk menyalurkan pelbagai peruntukan kepada Kelantan.

"Saya jadi PM saya tidak mahu zalim, nafikan hak, saya tak mahu menyeksa orang, fitnah orang dan buat tuduhan palsu sumbat dalam penjara, saya telah lalui semua itu.

"Sekarang ini rundingan molek-molek (berbincang) apa yang boleh diselesaikan kita selesaikan, jangan membebankan rakyat," kata beliau yang mengumumkan peruntukan sebanyak RM7.76 juta untuk menyiapkan Masjid At-Taqwa.

Ketibaan Perdana Menteri di Masjid At-Taqwa disambut Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob.